

Petani rugi sawah padi merekah setiap tahun

Perparitan di Kampung Tedong Pantai gagal berfungsi

Oleh Muhammad Hatim Ab Manan
bhnews@bharidn.com.my

MERLIMAU: Petani di Kampung Tedong Pantai di sini mengalami kerugian ribuan ringgit setiap tahun akibat padi yang diusahakan tidak menjadi kerana sistem perparitan di kawasan itu gagal berfungsi dengan baik.

Menurut mereka akibat masalah itu, kawasan sawah diusahakan menjadi kering setiap kali musim panas, selain ancaman serangan ulat bena pada pokok padi yang sudah berusia tiga bulan.

Tinjauan *Sentral* mendapati setiap petak sawah menjadi kering berikutan tidak menerima bekalan air sehingga memaksa petani mengambil inisiatif sendiri dengan mengepam air dari parit utama yang jaraknya kira-kira 100 meter dari sawah mereka.

Seorang petani, Rosdan Khamis, 37, berkata masalah yang menimpa mereka itu bagaimana tiada jalan penyelesaian kerana berulang setiap tahun.

“Kawasan sawah padi seluas 4.9 hektar yang saya usahakan menjadi kering kerana tidak mempunyai saliran parit di bahagian tengah. Masalah ini berlanjutan setiap tahun

sehingga saya terpaksa mengeluarkan modal sebanyak RM1,200 bagi membeli pam dan hos paip baru untuk mengepam air dari parit yang lebih jauh.

“Walaupun hari hujan, air yang bertakung di petak sawah hanya mampu bertahan seminggu. Selepas itu tanah kering dan mereka semula sehingga menyebabkan padi terdedah dengan ancaman serangan ulat bena.

“Apabila tiba musim menuai selepas padi mencapai usia empat bulan, saya kerugian RM5,000.

“Saya hanya mendapat pulangan untung bersih sebanyak RM15,000 berbanding RM20,000 yang sepatutnya saya peroleh sekiranya tiada sebarang masalah,” katanya ketika ditemui *Sentral*, semalam.

Selain masalah perparitan itu,

katanya bantuan racun yang diberi kerajaan tidak mencukupi dan berkualiti rendah kerana tidak boleh menangani masalah ancaman serangan ulat bena ketika musim panas.

“Saya juga terpaksa membeli sendiri racun ulat bena berharga RM70 sebotol untuk disembur pada padi yang mencapai usia dua bulan setiap dua minggu sekali.

“Ketika pokok padi berusia dua dan tiga bulan pula, saya membeli racun khas berharga RM78 sebotol untuk memusnahkan rumput yang tumbuh di kawasan sawah,” katanya.

Seorang lagi petani, Ali Rais, 48, pula berkata akibat masalah sawah kering dan serangan ulat bena itu, beliau mengalami kerugian sehingga RM2,000 pada setiap musim, sekali gus menjejaskan punca pendapatan utamanya sejak 15 tahun lalu.

“Saya tidak tahu untuk mengadu masalah ini kepada siapa dan memohon supaya kerajaan negeri dapat menyelesaikannya bagi mengelak ia terus berulang setiap tahun.

“Parit utama tidak mampu menyalurkan air ke kawasan sawah sebaliknya hanya terus mengalir ke sungai.

“Sekeliling kawasan sawah padi di Kampung Tedong Pantai ini se-



ROSDAN meninjau keadaan petak sawahnya yang kering dan merekah berikutan ketiadaan sumber air sekali gus mengancam tanaman di Kampung Tedong Pantai, Merlimau, Jasir.

patutnya dilengkapi dengan sistem perparitan konkrit bagi memudahkan air masuk membasahi tanaman yang sedang membesar.

“Apa yang penting konsep parit di kawasan sawah tidak boleh dalam dan memerlukan binaan parit konkrit berbentuk ‘U’ bagi memudah-

kan air terus disalurkan pada setiap masa,” katanya.

Ali berharap pihak yang bertanggungjawab memandang serius perkara ini dan mengambil langkah secara proaktif bagi menangani masalah padi yang rosak setiap tahun di kampung itu.

INFO

- Nama kampung: Kampung Tedong Pantai, Merlimau
- Jarak dari Merlimau: 3 kilometer
- Jumlah penduduk: 400 keluarga
- Petani yang menghadapi masalah: 20 orang
- Keluasan sawah padi: 48 hektar